



IKLAN JAWATAN KOSONG MYSTEP SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

MySTEP merupakan satu inisiatif yang diumumkan oleh Menteri Kewangan untuk memberi penempatan pekerjaan jangka masa pendek secara kontrak di Sektor Awam dan juga Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan rakan strategik. Objektifnya adalah memberi peluang kepada rakyat bagi mendapatkan penempatan pekerjaan jangka masa pendek serta meningkatkan kebolehpasaran rakyat Malaysia. Sasaran MySTEP adalah lepasan sekolah dan graduan yang menganggur. Inisiatif ini juga diperluaskan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas.

Permohonan adalah dijemput daripada kalangan warganegara Malaysia berumur 18 tahun keatas yang masih menganggur untuk dipertimbangkan bagi lantikan ke jawatan tersebut di bawah :-

Jawatan Kosong	:	Personel MySTEP
Bilangan Kekosongan	:	Satu (1) jawatan kosong
Kelayakan Akademik	:	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Kadar Upah	:	RM2,100.00 sebulan
Tempoh Kontrak	:	Lima (5) bulan
Kemudahan	:	Caruman KWSP, PERKESO, cuti rehat, cuti sakit dan tuntutan perubatan.

Deskripsi Tugas:

- i) Mengendalikan media sosial seperti cross-posting, Facebook Live, virality dan juga real time postings bagi liputan program/aktiviti;
- ii) Bertanggungjawab dalam penyediaan kandungan kreatif (creative content) dan penulisan berbentuk promosi, penjelasan/penerangan serta laporan bagi pengisian akaun rasmi media sosial dan kandungan laman SPPP;
- iii) Melaksana pemantauan trend, persepsi dan reaksi terhadap program, dasar dan isu semasa berkaitan SPPP atau pemegang taruh melalui media social;
- iv) Mengurus maklum balas berhubung isu-isu yang melibatkan imej SPPP dan perhubungan baik dengan pihak media;
- v) Bertanggungjawab terhadap protokol dalam Pengurusan Acara; dan
- vi) Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Kelayakan yang diperlukan:

- i) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- ii) Berkeyakinan dalam mengendalikan majlis dan program;
- iii) Mempunyai kemahiran teknologi maklumat yang baik dan berkebolehan menggunakan media sosial dengan berkesan;
- iv) Peka, sensitif dengan isu-isu semasa dan keupayaan untuk menangani isu; dan
- v) Berkebolehan dalam penulisan laporan

Pemohon-pemohon yang berminat diminta emel *resume* kepada Pengurus Khidmat Pengurusan & Kewangan, Encik Mohamad Safri bin Halim melalui alamat emel safri@penangport.gov.my pada atau sebelum 12.00 tengah hari, 18 Julai 2025.